

Aspirasi Kerjaya (Team Building)

Adakah anda tahu rahsia untuk membina pasukan yang bermotivasi tinggi?

Adakah anda tahu teknik-teknik psikologi yang dapat menambah semangat berpasukan mereka secara berkekalan?

Pengenalan

Kebanyakan pekerja di Malaysia sama ada di sektor awam mahupun swasta masing-masing kurang menghayati makna di sebalik kerja yang dilaksanakan. Tidak dinafikan setiap pekerja lebih mengharapkan kenaikan gaji, bonus, atau kenaikan pangkat, namun persoalannya adakah kita bekerja selama ini semata-mata mengharapkan kenaikan pangkat dan gaji? Bagaimana pula dengan pembangunan diri?

Jika seseorang bekerja semata-mata untuk ‘menerima’, pastinya dialah di kalangan pekerja yang sukar untuk ‘memberi’ dan produktivitinya turut menurun. Ada pepatah yang mengatakan, Jika kita memberi lebih dari ganjaran yang kita terima, kita akan terima ganjaran lebih dari apa yang kita beri...

Oleh itu, Modul Aspirasi Kerjaya (Team Building) dibangunkan agar warga kerja memperolehi penghayatan makna di sebalik sebuah kerjaya dan menghargainya sebagai jalan untuk meningkatkan kredibiliti diri.

Objektif Program

Setelah menjalani kursus ini, para peserta akan dapat:

- Dapat mengeratkan silaturahim antara sesama pekerja,
- Menanam semangat sayang dan setia kepada syarikat serta bersama memajukan syarikat.
- Menyedari kepentingan sifat integriti dan makna dalam pekerjaan,
- Berkomunikasi dengan lebih harmoni di tempat kerja.

Hasil Pembelajaran

Pembentukan PASUKAN yang berkesan dan beraspirasi merangkumi tiga (3) lapisan dalam dua (2) Modul yang berbeza:

Modul 1: Aktiviti Dalaman /Indoor

Modul 2: Aktiviti Luaran / Outdoor

- Lapisan 1 : Pembinaan Kendiri (Personal Growth)
- Lapisan 2 : Pasukan Berkesan dan Beraspirasi (Team Effectiveness Team Aspiration)
- Lapisan 3 : Kejayaan dalam Pekerjaan (Work Excellence)

MGT0023 Aspirasi Kerjaya (Team Building)

Kemaskini: 19 April 2019

© Humanology Sdn Bhd

Metodologi

Kajian kes, perbincangan forum, main peranan, pembentangan, gamifikasi

Siapa Yang Perlu Datang

Program ini sesuai untuk semua pekerja di syarikat tidak kira jawatan dan status mereka.

Kerangka Program

Hari / Masa	Hari Pertama
8:30am - 9:00am	Pendaftaran Peserta dan Minum Pagi
9.00am- 1:00pm	Ice Breaking and Membina Pasukan Aktiviti ini merupakan aktiviti dalaman di mana objektif aktiviti ini adalah memastikan peserta mempunyai, membentuk sebuah pasukan dan identiti pasukan. Peserta akan mengetahui dan mengenal pasti kekuatan yang diperlukan bagi sebuah pasukan dan sedar tentang kekuatan rakan-rakan sekerja mereka. Mereka dikehendaki membentangkan identiti pasukan mereka di akhir aktiviti ini. Ahli kumpulan akan dibahagikan kepada dua kumpulan: • Team Energizer – memastikan peserta terbuka, berkongsi pengalaman dan kenal lebih rapat rakan sekerja. • Team Formation – untuk membentuk sebuah pasukan; nama pasukan, sorakan, bendera.
1.00pm-2.00pm	Rehat
2.30pm - 4:30pm	Explorace Aktiviti ini merupakan aktiviti luar bilik darjah. Aktiviti ini bertujuan untuk memastikan peserta menghargai dan mengamalkan nilai-nilai sebuah pasukan yang berkesan dan beraspirasi dalam mencapai sebuah visi, misi, objektif serta menghasilkan keputusan yang tepat. Dalam aktiviti Explorace, setiap pasukan dikehendaki menyelesaikan tugas yang diberikan dalam masa yang telah ditetapkan.
4.30 pm -5:00pm	Minum Petang

MGT0023 Aspirasi Kerjaya (Team Building)

Kemaskini: 19 April 2019

© Humanology Sdn Bhd

5.00pm - 6:30pm	Persembahan Kumpulan: You are the Survival Objektif aktiviti ini adalah untuk menyedarkan peserta betapa pentingnya komunikasi dalam pasukan dan membina pasukan yang berkesan dalam merancang, menganalisa dan bertindak dalam menghasilkan keputusan yang berkesan dan beraspirasi. Peserta juga akan belajar bagaimana memberi maklum balas kepada rakan pasukan lain bagi menghasilkan keputusan yang berkesan dalam pasukan. Nama aktiviti digelar sebagai Akademi Bukan Fantasia di mana setiap pasukan dikehendaki mempersembahkan sebuah persembahan yang berbeza mengikut kreativiti masing-masing. Peserta akan memperhatikan teknik komunikasi dan rintangan yang wujud semasa berkomunikasi.
6.30 pm -8:30pm	Solat Maghrib / Kuliah Maghrib / Makan Malam / Solat Isyak
8.30pm -10:00 pm	Refleksi & Deklarasi Kejayaan Objektif aktiviti ini adalah memfokuskan makna asas kepimpinan peribadi dalam mencapai cita-cita atau sasaran dan bagaimana menggunakan pengalaman peribadi dalam membentuk pasukan yang berkesan seterusnya menambah nilai pekerjaan seharian mereka. Dalam aktiviti Refleksi dan Deklarasi Kejayaan, setiap peserta dalam pasukan masing-masing akan melakukan aktiviti refleksi dan perkongsian. Seterusnya, menyatakan komitmen dalam deklarasi kejayaan mereka.